

## Dekan FPSK Hadiri Mesyuarat Majlis Dekan Fakulti Perubatan UA

Terakhir dikemaskini: Rabu, 16 Ogos 2017 15:45 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 917

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**RABU, 16 OGOS** – Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Zainal Arifin Mustapha menghadiri Mesyuarat Majlis Dekan Fakulti Perubatan Universiti Awam (UA) kali Ke-4/2017 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.

Mesyuarat itu telah dihadiri 13 Dekan Perubatan UA dengan dipengerusikan oleh Prof. Dato Dr. Abd. Jalil Nordin dari Universiti Putra Malaysia.

Mesyuarat itu antara lain membincangkan agenda berkaitan kurikulum perubatan,

Penilaian Program Kepakaran Perubatan, Jawatankuasa bersama Ijazah Lanjutan Perubatan dan Konsortium Hospital Universiti.

Hadir sama dua Ex-officio iaitu Prof. Emeritus Dato Nik Mohd Nasri Nik Ismail dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Prof. Dr. Ahmad Sukari Halim dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Sumber: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan